BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen : 05/02/46 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Selasa, 28 Mei 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
APRIL 2002

Perkembangan monetari dan kewangan pada bulan April mencerminkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan keyakinan pasaran. Bekalan wang, deposit dan pinjaman terus meningkat sementara inflasi menyederhana. Keyakinan pelabur yang lebih tinggi serta minat pelabur asing yang meningkat telah menyumbang kepada perkembangan yang positif dalam pasaran saham. Secara keseluruhannya, dasar monetari terus menyediakan suasana yang positif untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Kadar faedah terus berada pada paras yang rendah dan stabil

Pada bulan April, **kadar faedah antara bank di pasaran wang** kekal stabil hasil daripada operasi mudah tunai BNM untuk menyerap lebihan mudah tunai sebanyak RM10.1 bilion daripada pasaran, untuk mengimbangi kesan mengembang daripada pengeluaran deposit oleh Kerajaan serta sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM .



Operasi mudah tunai BNM menguncup bagi memastikan keadaan mudah tunai yang stabil



Mudah tunai kekal lega



Kadar faedah antara bank kekal rendah

Kadar purata pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatifnya kekal stabil, masing-masing pada kadar 6.58% dan 10.04% pada akhir bulan April (6.52% dan 10.13% pada akhir bulan Mac), sementara **kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan pada bulan April kekal tidak berubah.

Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



ALR secara relatifnya kekal stabil, manakala BLR pula kekal tidak berubah

Pada 15 Mei, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan secara relatifnya kekal tidak berubah daripada paras pada akhir bulan April.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan secara relatifnya tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga dengan kadar faedah bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar inflasi yang lebih rendah pada bulan April telah menghasilkan kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan yang lebih tinggi

Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan mata wang serantau pada bulan April

Pada bulan April, **ringgit menyusut nilai** berbanding mata wang utama. Ringgit menyusut nilai berbanding euro (3.6%), paun sterling (2.3%), dan yen Jepun (3.7%), selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Dolar AS telah dipengaruhi secara negatif oleh pendapatan sektor korporat AS yang lemah serta kebimbangan pasaran bahawa pemulihan ekonomi AS tidak sekukuh yang dijangkakan dan keadaan di Timur Tengah yang semakin tegang. Walaupun

mengalami penurunan taraf penilaian, yen Jepun meningkat nilai akibat kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti, berikutan daripada pasaran saham Jepun yang meningkat dan lebihan perdagangan yang melebihi jangkaan pada bulan Mac.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama

Ringgit juga menyusut nilai berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 0.6% - 5.1%. Mata wang serantau disokong oleh sikap pasaran yang mahu mengelak dari mengambil risiko berikutan ketegangan di Timur Tengah dan yen Jepun yang lebih kukuh, serta penjualan dolar AS oleh pengeksport tempatan. Beberapa mata wang serantau meningkat berikutan daripada kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti akibat daripada keyakinan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi-ekonomi serantau. Rupiah Indonesia mendapat sokongan daripada kemasukan dana berikutan pembelian syarikat-syarikat tempatan oleh pihak luar dan penjadualan semula hutang Indonesia dengan negara-negara pemiutang “Paris Club.”

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 21 Mei 2002**, ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama. Nilai ringgit menurun berbanding euro dan yen Jepun masing-masing sebanyak 1.5%, sementara meningkat nilai berbanding paun sterling sebanyak 0.1%. Dolar AS menyusut nilai berikutan penerbitan data ekonomi untuk bulan April yang menunjukkan peningkatan kadar pengangguran yang ketara dan pertumbuhan sektor perkilangan yang lebih lemah. Yen Jepun disokong oleh kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti dan penjualan dolar AS oleh pengeksport Jepun. Ringgit juga menyusut nilai berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 0.9% - 3.5%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Apr 2002	21 Mei 2002	% Perubahan		
				April 2002	Akhir-2001 - 21 Mei 2002	2 Sep. 1998 - 21 Mei 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.4346	3.4859	-3.6	-3.4	-
Paun sterling	6.3708	5.5395	5.5317	-2.3	-0.3	15.2
100 yen Jepun	2.7742	2.9710	3.0174	-3.7	-4.0	-8.1
Dolar Singapura	2.1998	2.1003	2.1188	-1.8	-3.1	3.8
100 baht Thai	9.3713	8.7892	8.9014	-0.6	-3.4	5.3
100 peso Filipina	8.8302	7.5117	7.6787	-0.8	-4.1	15.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0408	0.0419	-5.1	-12.9	-15.5
100 won Korea	0.2827	0.2938	0.3043	-2.2	-5.3	-7.1

Inflasi menyederhana pada bulan April

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna** (IHP, 2000=100), menyederhana kepada 1.9% pada bulan April 2002 (Mac: 2.1%), mencerminkan asas yang tinggi pada bulan Aprill 2001. Pada asas bulanan, IHP menyusut sebanyak 0.1%. Kenaikan tahunan sebanyak 1.9% di dalam IHP disumbangkan terutamanya oleh kenaikan dalam harga pengangkutan dan perhubungan; minuman dan tembakau; dan perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan.



Inflasi menyederhana pada bulan April

Harga pengeluar meningkat sedikit

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR) meningkat sebanyak 0.6% pada bulan Mac 2002 (Februari 2002: -1.3%). Kenaikan di dalam IHPR adalah berikutan pemulihan harga minyak sawit mentah dan getah serta penurunan harga minyak mentah pada kadar yang lebih perlahan. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.5%.



Harga pengeluar meningkat sedikit

Pertumbuhan yang berterusan dalam bekalan wang

Pada bulan April, bekalan wang terus meningkat selaras dengan pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi. Wang secara kecil, M1 meningkat sebanyak RM0.6 bilion atau 0.8% dengan peningkatan dalam deposit permintaan yang lebih daripada cukup untuk mengimbangi penurunan dalam mata wang dalam edaran. Kenaikan dalam separuh wang secara luas telah menyebabkan M3 meningkat sebanyak RM2.4 bilion atau 0.5%. Pada asas tahunan, M1 dan M3 masing-masing telah mengembang sebanyak 13.4% dan 5.9% pada akhir bulan April (12.3% dan 6.1% pada akhir bulan Mac).

Pada bulan ini, operasi Kerajaan memberi kesan pengembangan ke atas bekalan wang sebanyak RM4.6 bilion, mencerminkan pengeluaran deposit yang nyata daripada BNM (RM7.2 bilion), di mana sebahagian besarnya adalah sebagai pembayaran bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia yang telah matang (RM4.2 bilion). Tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi (RM1.6 billion) turut menyumbang kepada pengembangan dalam bekalan wang. Walaupum rizab antarabangsa BNM mencatat peningkatan yang kecil, operasi luar bersih memberikan kesan penguncupan ke atas bekalan wang sebanyak RM0.5 bilion dengan penurunan dalam aset luar sistem perbankan berikutan kematangan simpanan mata wang asing jangka pendek di luar negara.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Agregat monetari terus mengembang..

M3: Perubahan Bulanan



…pada asas bulanan, M3 terus meningkat…

Penentu-penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2002			
	Feb	**Mac**	**Apr**	**Jan-Apr**
M3	7.9	0.9	2.4	14.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	2.9	-5.2	4.6	6.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.9	2.3	1.6	8.5
Operasi luar bersih [1/]	4.7	1.7	-0.5	4.6
Pengaruh lain	-3.6	2.2	-3.3	-5.6

[1/] sebelum penilaian semula

…disebabkan terutamanya oleh kesan pengembangan operasi Kerajaan dan tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi

Deposit dan pinjaman sistem perbankan meningkat

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** terus meningkat sebanyak RM2.3 bilion atau 0.5% pada bulan April. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya simpanan yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat sebanyak 4.1% pada akhir bulan April.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Feb.	**Mar.**	**Apr.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-1,620	184	643
Kerajaan Negeri	232	175	-68
Badan Berkanun[1/]	1,360	863	-168
Institusi Kewangan	228	-229	-758
Perusahaan Perniagaan	3,155	-741	956
Individu	3,097	1,555	1,670
Lain-lain	-126	-2	67
Jumlah	**6,326**	**1,804**	**2,342**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Kenaikan dalam deposit adalah disebabkan oleh simpanan yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Feb.	**Mar.**	**Apr.**
Jenis			
Deposit tetap	1,724	4,023	-567
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	620	554	-518
Deposit permintaan	192	-2,302	1,222
Deposit tabungan	1,341	46	735
Perjanjian beli balik *(Repo)*	1,645	643	635
Deposit mata wang asing	1,335	-1,937	-13
Deposit SPI	-405	779	781
Lain-lain	-126	-2	67
Jumlah	**6,326**	**1,804**	**2,342**

Daripada segi jenis, deposit yang lebih tinggi adalah dalam deposit permintaan, SPI dan tabungan

Pinjaman yang diluluskan kekal tinggi pada RM9.6 bilion pada bulan April dan terus diberikan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Sementara itu, pengeluaran pinjaman meningkat kepada RM33.7 bilion dan terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman lebih tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pinjaman terus dikeluarkan kepada pelbagai sektor ekonomi

Pinjaman yang belum dijelaskan yang diberikan oleh sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM752 juta pada bulan April. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi disalurkan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sebaliknya, pinjaman kepada sektor perkilangan menurun disebabkan pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 4.3 % pada akhir bulan April.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2002		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Mac	Apr.	Apr.
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	-88	154	12,209
Perlombongan dan kuari	-26	62	1,347
Perkilangan	639	-837	68,615
Bekalan elektrik, gas dan air	-7	49	4,819
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	-89	356	39,175
Sektor harta benda yang luas	1,321	174	178,621
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,019*	*1,150*	*91,428*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	-304	474	12,811
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	120	-369	35,208
Kredit penggunaan	649	1,046	73,378
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*749*	*909*	*49,073*
Kad kredit	*-75*	*91*	*9,130*
Pembelian sekuriti	-214	-441	30,048
Lain-lain	337	82	20,791
Jumlah Pinjaman[1/]	**2,337**	**752**	**477,023**

[1/] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat

Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS stabil

Walaupun terdapat peningkatan dalam pinjaman yang belum dijelaskan, **jumlah pembiayaan melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan PDS** yang diterbitkan oleh sektor swasta secara relatifnya tidak berubah pada bulan April. Ini mencerminkan penebusan bersih dalam pasaran PDS. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, ia meningkat sebanyak 6.2% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: 6.8%).

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2002			2002	
	Mac	Apr.	Jan-Apr.	Mac	Apr.
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**2.1**	**1.0**	**5.7**	**5.8**	**5.6**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	2.3	0.8	6.5	4.6	4.3
Pegangan sekuriti hutang swasta	-0.2	0.2	-0.8	36.0	38.4
Jumlah baki PDS * (2)	**-0.7**	**-0.8**	**-2.2**	**17.1**	**14.6**
Jumlah (1) + (2)	**1.7**	**…**	**4.3**	**6.8**	**6.2**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Dana bersih yang diperolehi daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Dana bersih yang diperolehi daripada pasaran modal adalah lebih tinggi sebanyak RM1.9 bilion pada bulan April. Ini berikutan peningkatan perolehan dana bersih daripada sektor swasta melalui penerbitan sekuriti hutang dan saham, masing-masing berjumlah RM1.4 bilion dan RM1.1 bilion. Sementara itu, sektor awam mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM501.3 juta berikutan matangnya Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Harga saham di **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) terus menunjukkan aliran meningkat pada bulan April dengan bertambahnya bukti mengenai peningkatan prospek ekonomi Malaysia dan peningkatan minat pelabur asing. Dalam tempoh tersebut, dua agensi penarafan antarabangsa, iaitu *Moody's Investors Services* dan *Fitch Ratings* telah meminda taraf prospek ekonomi Malaysia kepada positif daripada stabil. Pada 30 April, Indeks Komposit BSKL (KLSE CI) ditutup pada 793.99 mata (+5% sejak akhir bulan Mac), sementara permodalan pasaran adalah sebanyak RM551.83 bilion (+6.6% sejak akhir bulan Mac). Purata urusniga pasaran meningkat dengan ketara kepada 489.4 juta unit (281.4 juta unit pada bulan Mac).

Prestasi Indeks Terpilih



KLSE CI menurun sedikit pada bulan Mei

Sehingga kini pada bulan Mei, BSKL mula merosot disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung. Pada 21 Mei, KLSE CI ditutup pada 781.72 mata (-1.5% sejak akhir bulan April) dengan permodalan pasaran sebanyak RM545 bilion (-1.2% sejak akhir bulan April). Purata urus niaga harian pasaran pula adalah sebanyak 273.31 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM berjumlah sebanyak RM124.41 bilion atau AS$32.74 bilion pada 30 April 2002 dan meningkat lagi kepada RM124.45 bilion atau AS$32.75 bilion pada 15 Mei 2002. Aliran masuk perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk bersih pelaburan adalah lebih daripada memadai untuk membiayai pembayaran balik pinjaman luar negeri dan bayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan. Sebahagian besar daripada pembayaran balik pinjaman ini adalah merupakan prabayaran kepada pinjaman-pinjaman luar negeri yang lebih mahal. Pembayaran balik berkenaan telah menghasilkan pengurangan dalam hutang luar negeri sektor swasta. Paras rizab pada 15 Mei 2002 adalah mencukupi untuk membiayai 5.5 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan tetap kukuh

Sistem perbankan kekal kukuh dalam bulan April dengan kedudukan modal dan nisbah pinjaman tidak berbayar berada pada tahap sebelumnya.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan							
	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun.	Dis.	Mac	Apr.
Modal							
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	10.8	10.7	10.8
RWCR (%)	11.8	12.5	12.5	12.6	12.8	12.5	12.5
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
Sistem perbankan (%)	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.2	8.2
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,535	33,546
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal



...RWCR kekal pada tahap 12.5%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…nisbah pinjaman tidak berbayar bersih kekal pada 8.2%

Kini, tumpuan Danaharta adalah kepada pelaksanaan strategi pemulihan hutang-hutang tidak berbayar di bawah pengurusannya. Daripada jumlah hak pinjaman yang diambil alih oleh Danaharta sebanyak RM47.75 bilion, pada akhir Mac 2002, RM47.72 bilion (99.9%) telahpun dipulihkan. Baki yang tinggal dijangka akan disusun semula sepenuhnya menjelang akhir 2002.

Kutipan balik pinjaman tidak berbayar yang telah dipulihkan, sama ada dengan cara disusun semula atau diberi kelulusan untuk penyusunan semula, adalah dijangkakan berjumlah sebanyak RM28.27 bilion (tidak termasuk pinjaman mungkir), menghasilkan purata kadar kutipan balik sebanyak 55%. Daripada jumlah RM28.27 bilion, Danaharta telah menerima aset bernilai RM15.7 bilion dalam bentuk empat kumpulan aset utama iaitu wang tunai, pinjaman yang telah disusun semula, sekuriti dan hartanah. Pada 31 Mac 2002, RM10.97 bilion telah ditukarkan kepada wang tunai manakala bakinya selanjutnya akan ditukarkan kepada wang tunai kelak. Baki selebihnya sebanyak RM12.6 bilion sedang menunggu untuk diselesaikan melalui strategi pemulihan masing-masing.

Berhubung dengan pinjaman tidak berbayar Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) dan Kumpulan Sime Bank yang diuruskan oleh Danaharta, jumlah kutipan balik sebanyak RM8.2 bilion telah diagih-agihkan dalam bentuk wang tunai. Bagi institusi perbankan yang lain, jumlah kutipan balik yang diagihkan kepada 24 buah institusi perbankan berjumlah RM324.4 juta dalam bentuk wang tunai dan 55,899,542 unit dalam bentuk unit-unit sekuriti.

Setakat 19 Februari 2002, Danaharta telah menawarkan sebanyak 644 buah hartanah kepada pasaran. Daripada jumlah ini, 533 buah, atau lebih kurang 83%, telah dijual dengan hasil sebanyak RM899.5 juta.

Suntikan modal oleh Danamodal ke dalam institusi perbankan kekal pada RM2.1 bilion pada akhir April 2002. Bilangan kes yang masih belum diselesaikan oleh CDRC kekal sebanyak 8 kes dengan jumlah pinjaman bernilai RM16.8 bilion.

Statistik kes-kes CDRC setakat 30 April 2002

	Jumlah hutang* (RM juta)	Bilangan kes
Diterima	**67,644**	**87**
Ditarik balik/ditolak	10,606	25
Dipindahkan ke Danaharta	2,470	11
Kes yang dikendalikan oleh CDRC	**54,568**	**51**
Selesai dirumuskan	**37,771**	**43**
Selesai dilaksanakan	*28,714*	*24*
Dalam pelaksanaan	*9,057*	*19*
Belum diselesaikan	**16,797**	**8**

* Termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir

Bank Negara Malaysia
28 Mei 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Mac 2002		April 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.9	4.6	40.8	4.9
M1	81.6	12.3	82.2	13.4
M2	369.6	6.1	371.9	5.6
M3	481.2	6.1	483.6	5.9
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	488.2	4.5	490.5	4.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	476.3	4.6	477.0	4.3
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	415.7	4.5	414.1	3.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	85.1		84.4	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	10.7		9.6	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	32.4		33.7	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.5		12.5	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.2		8.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	124.4		124.4	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	32.7		32.7	
Bilangan bulan import tertangguh	5.5		5.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.74 [2.85]		2.76 [2.77]	
3-bulan	3.24 [2.86]		3.21 [2.91]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21 [3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.3	2.1	103.2	1.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	126.1	0.6		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.3125		3.4346	
Paun Sterling	5.4146		5.5395	
Dolar Singapura	2.0624		2.1003	
100 Yen Jepun	2.8614		2.9710	
100 Baht Thai	8.7356		8.7892	
100 Peso Filipina	7.4481		7.5117	
100 Rupiah Indonesia	0.0387		0.0408	
100 Won Korea	0.2874		0.2938	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperolehi oleh:				
sektor awam (RM bilion)	-0.8		-0.5	
sektor swasta (RM bilion)	0.6		2.4	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	756.10		793.99	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	517.85		551.83	